

Dr Mahathir Presiden Agung Persekutuan Pengakap Malaysia

Putrajaya: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad diisytiharkan sebagai Presiden Agung, Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM).

Pengisytiharan disempurnakan oleh Ketua Pengakap Negara, Tan Sri Dr Shafie Mohd Salleh di Pejabat Perdana Menteri di sini, semalam.

Pengisytiharan itu juga adalah selaras dengan Prosedur Organisasi dan Pindaan (POR) pindaan 27 Mac 2010, Bahagian II, Seksyen 1 yang mana Perdana Menteri adalah Presiden Agung PPM.

Pada majlis sama, Dr Mahathir juga menerima Anugerah Bintang Semangat Padi Kelas Per-

tama (Emas), iaitu anugerah tertinggi Persekutuan Pengakap Malaysia.

Dalam pada itu, Shafie berkata, pengisytiharan itu secara langsung mampu mengangkat imej PPM bukan sahaja pada peringkat negara malah antarabangsa, lebih-lebih lagi Ibu Pejabat Pergerakan Pengakap Sedunia sudah lima tahun berada di Kuala Lumpur.

“Manakala Anugerah Bintang Semangat Padi Kelas Pertama (Emas) pula adalah anugerah eksklusif yang hanya diberi dalam kalangan pemimpin negeri dan negara,” katanya.

BERNAMA



Dr Mahathir dianugerahkan Anugerah Bintang Semangat Padi Kelas Pertama (Emas) oleh Shafie (kanan) di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)